

**TAHAP PENGETAHUAN, KEMAHIRAN DAN SIKAP GURU  
TERHADAP PENGAJARAN MODULAR DI SEKOLAH RENDAH  
DAERAH HULU LANGAT, SELANGOR**

**[SPECIAL EDUCATION TEACHER'S LEVEL OF KNOWLEDGE, SKILLS, AND  
ATTITUDE ON MODULAR TEACHING IN PRIMARY SCHOOLS IN HULU  
LANGAT DISTRICT, SELANGOR]**

MURSYIDA ALEAS<sup>1\*</sup> & NORSHIDAH MOHD SALLEH<sup>1</sup>

<sup>1\*</sup> Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia  
Correspondent Email: P97218@siswa.ukm.edu.my

---

*Received: 14 August 2021*

*Accepted: 28 August 2021*

*Published: 31 August 2021*

---

**Abstrak:** Pembelajaran Modular bagi murid bermasalah pembelajaran dilihat mampu melahirkan murid yang menepati objektif Falsafah Pendidikan Negara dalam mengembangkan potensi diri dan sahsiah peribadi murid Pendidikan Khas. Kajian ini bertujuan untuk melihat tahap pengetahuan, kemahiran dan sikap guru Pendidikan Khas. Seramai 54 orang guru Pendidikan Khas daripada Daerah Hulu Langat terlibat dalam kajian ini. Kajian ini dijalankan menggunakan kaedah tinjauan. Borang soal selidik digunakan untuk mengumpulkan data kajian. Analisis dapatan kajian dijalankan secara deskriptif dengan nilai kekerapan, peratusan, min dan sisihan piawai. Analisis korelasi pearson digunakan untuk melihat hubungan setiap pembolehubah. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap pengetahuan guru Pendidikan Khas (min = 3.44) dan kemahiran (min = 3.45) adalah pada tahap yang sederhana. Manakala sikap guru (min = 3.92) adalah pada tahap yang tinggi. Analisis Korelasi Pearson mendapati terdapat hubungan yang signifikan antara pengetahuan dengan kemahiran guru ( $r = 0.818, p < 0.01$ ), hubungan yang signifikan antara pengetahuan dengan sikap guru ( $r = 0.374, p < 0.01$ ) dan juga terdapat hubungan yang signifikan antara kemahiran dengan sikap guru ( $r = 0.410, p < 0.01$ ). Sikap guru terhadap pengajaran modular untuk murid bermasalah pembelajaran adalah pada tahap yang tinggi dan saling berkaitan dengan tahap pengetahuan dan kemahiran guru. Hasil kajian menunjukkan guru mempunyai sikap yang baik terhadap sebarang perubahan berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran untuk murid Pendidikan Khas. Pendedahan dari segi perkongsian ilmu melalui bengkel dan kursus dapat meningkatkan pengetahuan dan kemahiran guru Pendidikan Khas berkaitan pengajaran modular. Ini dapat memantapkan lagi profesional dan kualiti guru Pendidikan Khas di Malaysia.

**Kata kunci:** Pengajaran Modular, Guru Pendidikan Khas, Murid Bermasalah Pembelajaran, Pengetahuan Guru, Kemahiran Guru dan Sikap Guru.

**Abstract:** Modular learning for students with learning difficulties is seen to be able to produce students who meet the objectives of the National Education Philosophy in developing the individual and personality potential of special education students. This study aimed to look at the level of knowledge, skills, and attitudes of Special Education teachers. A total of 54 teachers were selected from the Hulu Langat district who were involved throughout this study. Data were collected using a questionnaire. The results were analyzed using SPSS software version 23 using the mean comparison and descriptive analysis. The findings of the study showed that the teacher's knowledge level (mean = 3.44, SD = 0.633) and the teacher's skill (mean = 3.45, SD = 0.544) were at a moderate level. Meanwhile, the teacher's attitude score (mean = 3.92, SD = 0.377) was at a high level. Pearson Correlation Analysis found a

significant relationship between teachers' knowledge and skills ( $r = 0.818, p < 0.01$ ), a significant relationship between teachers' knowledge and attitude ( $r = 0.374, p < 0.01$ ) and a significant relationship between teachers' skills and attitude ( $r = 0.410, p < 0.01$ ). In conclusion, modular teaching for students with learning difficulties requires more exposure in terms of knowledge sharing through workshops and courses to all Special Education teachers. Further research is needed to discuss modular teaching in more depth. The researcher hopes that this study can further strengthen the professionalism and quality of special education teachers in Malaysia.

**Keywords:** Pupils with Learning Difficulties, Modular Teaching, Special Education Teachers, Teacher's Skills, Teacher's Attitudes.

Mursyida Aleas & Norshidah Mohd Salleh. 2021. Tahap Pengetahuan, Kemahiran Dan Sikap Guru Terhadap Pengajaran Modular di Sekolah Rendah Daerah Hulu Langat, Selangor [Special Education Teacher's Level of Knowledge, Skills, and Attitude on Modular Teaching in Primary Schools in Hulu Langat District, Selangor]. *International Journal of Advanced Research in Islamic Studies and Education (ARISE)*, 1(3), 92-106.

## **PENGENALAN**

Profesion perguruan memerlukan individu yang kreatif dan inovatif untuk membina kaedah dan aktiviti pengajaran yang dapat menarik minat murid untuk belajar. Guru yang memiliki komitmen tinggi sentiasa bersedia meningkatkan tahap pengetahuan yang tinggi untuk melaksanakan Dasar Pendidikan Negara. Guru juga menjadi elemen utama untuk melengkapkan diri setiap murid dengan modal insan yang sempurna. Kajian ini dijalankan untuk melihat tahap pengetahuan, kemahiran dan sikap guru Pendidikan Khas terhadap kaedah pengajaran modular. Sikap dan kesediaan guru dalam meningkatkan tahap pengetahuan serta kemahiran akan melahirkan murid yang berjaya dan cemerlang di dalam pelajaran seterusnya dalam kehidupan mereka. Justeru itu, kajian ini dijalankan untuk mengkaji sejauh mana pengetahuan, kemahiran dan sikap guru Pendidikan Khas berkaitan kaedah pengajaran modular untuk murid Pendidikan Khas bermasalah pembelajaran.

Pengajaran yang berpusatkan murid serta penglibatan yang aktif dan menyeronokkan adalah elemen penting bagi kaedah dan pendekatan pengajaran guru. Kaedah pengajaran guru perlu bersifat interaktif, menarik serta berkesan untuk melahirkan murid yang berketerampilan dan cemerlang. Sehubungan itu, pengajaran modular telah diperkenalkan sebagai satu pedagogi pengajaran alternatif untuk guru di dalam Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Matlamat utama pengajaran alternatif ini diperkenalkan adalah untuk mewujudkan kaedah pengajaran guru yang lebih menarik, fleksibel dan kreatif supaya murid berminat dengan pembelajaran serta dapat menumpukan perhatian semasa pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas.

Falsafah Pendidikan Kebangsaan (1996) telah menerapkan prinsip yang lengkap bagi memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh bersandarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada tuhan. Oleh itu pembelajaran dan pengajaran melalui pengajaran modular ini dilihat lebih efektif dengan tahap kemampuan individu khususnya bagi murid bermasalah pembelajaran. KPM di dalam Panduan Pendekatan Modular Dalam Pengajaran dan

Pembelajaran (2018), menjelaskan murid dapat dibantu untuk meningkatkan kemajuan mereka melalui sesi diskusi semasa proses pengajaran dan pembelajaran dijalankan.

Merujuk Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM 2013-2025), pengajaran modular perlu direalisasikan dalam semua mata pelajaran supaya kurikulum standard yang telah dirangka oleh KPM di semua peringkat prasekolah, sekolah rendah dan menengah dapat dijalankan dengan baik. Sesi pembelajaran dan pengajaran dengan menggunakan kaedah pengajaran modular membolehkan guru untuk lebih kreatif dan inovatif dalam merancang kaedah dan strategi pengajaran berdasarkan kebolehan dan perkembangan murid. Guru perlu lebih bijak merancang pembelajaran dan pengajaran yang sesuai dengan kepelbagaian tahap dan ciri-ciri kebolehan diri murid (Suhaimie Moridan, 2013). Oleh itu, pelaksanaan pengajaran modular mengambil kira pelbagai aspek seperti berpusatkan murid, kesepaduan, linear dan bukan linear serta fleksibel. Untuk mengetahui sejauhmanakah tahap pengetahuan, kemahiran dan sikap guru terhadap penggunaan kaedah modular di dalam Pendidikan Khas, satu kajian telah di jalankan dalam kalangan guru Pendidikan Khas yang mengajar Program Pendidikan Khas Intergrasi (PPKI) di Daerah Hulu Langat Selangor.

## **KAJIAN LITERATURE**

Kaedah pengajaran modular merupakan satu kaedah pengajaran alternatif dalam pendidikan abad ke 21. Pengajaran modular ini mula diperkenalkan di dalam sistem pendidikan di Malaysia dengan menekankan konsep pembelajaran yang fleksibel dan kaedah gabung jalin. Pengajaran modular ini juga adalah suatu usaha dalam dasar pendidikan untuk mengatasi kesulitan murid-murid dalam lemah pembelajaran. Namun penekanan kaedah pengajaran modular ini di kalangan guru Pendidikan Khas masih tidak meluas dan kurang pendedahan. Pengajaran modular ini juga berkait rapat dengan pengajaran pengabungjalinan atau koperatif antara mata pelajaran dengan mata pelajaran yang lain. Kajian lepas juga mendapati masih kurang penyelidikan yang dijalankan berkaitan dengan keberkesanan pengajaran modular yang khususnya di kalangan guru Pendidikan Khas.

Menurut Ikhsan dan Norila (2014), pengajaran gabungjalin merupakan proses menggabungkan pelbagai bidang kemahiran bagi menghasilkan suatu pelajaran yang integratif serta bersifat menyeluruh (holistic). Pedagogi yang sama ini boleh dikaitkan dengan pengajaran modular. Menurut Asmawati (2018), terdapat beberapa pencapaian objektif yang terkandung dalam proses pengajaran dan pembelajaran iaitu kepelbagaian penguasaan kemahiran yang relevan dalam suatu masa. Proses pembelajaran dan pengajaran yang berkesan menjadi lebih menarik kepada kalangan pelajar. Kajian oleh Suraya Bahrum (2018), mendapati kebanyakan guru tidak sedar bahawa mereka kurang pengetahuan serta tiada kemahiran dalam menggunakan kaedah pengajaran modular atau gabung jalin pelajaran dengan mata pelajaran yang lain. Manakala dalam dapatan kajian Rohani Aziz (2011), juga menunjukkan tahap pengetahuan guru adalah pada tahap yang sederhana. Kajian oleh Jamilah dan Zamri (2016), menunjukkan pengetahuan guru adalah berada pada tahap rendah. Guru Pendidikan Khas tidak kreatif untuk menguruskan murid terutama murid yang mengalami masalah pertuturan (Noor Aini, Zamri & Zahara, 2012). Keadaan ini berlaku kerana guru kurang bersedia serta tidak menguasai kemahiran dan pengetahuan dalam proses pengajaran dan pembelajaran berkaitan pedagogi pengajaran modular.

Menurut Hebbler dan Donna (2016), cara terbaik yang boleh dilakukan oleh semua pihak untuk membantu perkembangan kanak-kanak berkeperluan khas adalah dengan memberi input dari segi pembelajaran yang diperolehi di sekolah. Hal ini sangat mempengaruhi pencapaian perkembangan kanak-kanak berkeperluan khas dalam aspek kognitif, sosioemosi, tingkah laku dan sebagainya. Justeru itu, guru perlu memainkan peranan dalam proses pembelajaran di sekolah. Kaedah dan teknik pengajaran guru yang pelbagai menjadi aspek penting dalam mempengaruhi perkembangan murid berkeperluan khas masalah pembelajaran. Kajian oleh Hasnah Isonon (2017), menunjukkan bahawa pemahaman dan pengetahuan guru perlu dipertingkatkan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Ini disokong oleh kajian Ismail dan Suriana (2012), guru sebagai pendidik perlu melengkapkan diri dengan segala ilmu pengetahuan, kemahiran, sikap dan emosi.

### **PENGETAHUAN, KEMAHIRAN DAN SIKAP GURU TENTANG PENGAJARAN MODULAR**

Guru merupakan pelaksana dalam segala dasar dan matlamat kurikulum. Sokongan jitu dan peranan guru mampu dalam melaksanakan pembangunan dalam sistem pendidikan negara. Laporan UNESCO-UNEP (1978), menjelaskan tahap pengetahuan merupakan keupayaan manusia untuk memperolehi pelbagai pemahaman asas dan pengalaman yang diperlukan dalam kehidupan seharian. Menurut Muhammad Hafizan dan Anuar (2017), pengetahuan guru merupakan aspek penting bagi seorang guru. Tahap pengetahuan guru yang tinggi mampu menterjemahkan pengetahuan tersebut di dalam bilik darjah serta mengembangkan kemahiran untuk mengajar.

Menurut Nurul faraha Derapa (2018), pengetahuan yang tinggi dan sikap seseorang guru itu sangat penting untuk memastikan pengajaran dan pembelajaran memberi input dan kesan yang baik kepada murid. Kajian ini disokong oleh kajian Norshidah, Aliza Alias dan Zalizan (2012), iaitu kemahiran dan pengetahuan yang tinggi perlu dimiliki oleh setiap guru agar dapat membantu murid bermasalah pembelajaran untuk mengikuti sesi pembelajaran dan pengajaran di sekolah. Manakala menurut Low Suet Fin et al., (2014) guru perlu memiliki tahap pengetahuan yang tinggi kerana melalui pengetahuan secara holistik mampu mewujudkan suasana bilik darjah yang menyeronokkan serta menerapkan budaya penyayang. Ini jelas menunjukkan bahawa, seorang guru Pendidikan Khas perlu menguasai tahap pengetahuan yang tinggi dalam bidang Pendidikan Khas agar mampu melaksanakan segala program berkaitan program Pendidikan Khas.

Guru yang memiliki pengetahuan serta menguasai pelbagai kemahiran adalah guru yang dapat mengembangkan minat dan kebolehan murid yang memiliki masalah dalam pembelajaran. Menurut Siti Muhibah (2018), guru pendidikan khas perlu memiliki pengetahuan dan kemahiran serta kaedah pengajaran yang pelbagai agar proses pengajaran lebih berkesan dan menyeronokkan. Bagi melahirkan murid yang berkualiti dan berketrampilan tinggi, guru pada masa kini wajar melengkapkan diri dan bersedia dengan segala kemahiran dari semasa ke semasa. Guru boleh membantu murid berkeperluan khas dalam proses pengajaran dan pembelajaran melalui penguasaan pengetahuan dan kemahiran berkaitan kaedah pengajaran yang berkesan (Norshidah, Aliza Alias & Zalizan, 2012).

Kualiti dan nilai seorang guru yang berkualiti terutama guru Pendidikan Khas dapat dilihat dari tiga aspek penting iaitu melalui pengetahuan yang tinggi, penguasaan kemahiran dan sikap yang positif. Kaedah pengajaran dan pembelajaran yang berkesan dapat dicapai sekiranya setiap guru Pendidikan Khas menunjukkan komitmen yang baik dan cemerlang terhadap profesion perguruan. Menurut Khairuddin (2011), beliau telah membahagikan sikap kepada tiga komponen utama iaitu kognitif (idea dan kepercayaan), afektif (perasaan dan kecenderungan) dan tingkah laku (tindakan dan jawapan). Ketiga-tiga komponen utama ini mempengaruhi sikap seorang guru yang boleh dinilai melalui gerak balas, tingkah laku dan sikap terhadap pengamatan sesuatu. Fadilla dan Zamri (2019), menjelaskan guru yang sentiasa menunjukkan sikap positif akan menghasilkan impak yang positif terhadap hasil pembelajaran dan meningkatkan kemenjadian murid. Sikap guru Pendidikan Khas yang cemerlang serta sentiasa bermotivasi tinggi dalam memenuhi keperluan pendidikan murid berkeperluan khas secara tidak langsung akan membantu guru untuk meningkatkan kemahiran dalam menguruskan tingkah laku murid.

## **PENGAJARAN MODULAR BAGI MURID MASALAH PEMBELAJARAN**

Keperluan setiap murid adalah berbeza bagi setiap individu. Menurut kajian Sharifah Nor dan Aliza (2011) menyatakan guru perlu memiliki ilmu pengetahuan terhadap strategi dan pendekatan mengikut fitrah murid-murid. Oleh yang demikian, amalan pengajaran dan pembelajaran bagi murid bermasalah pembelajaran adalah memerlukan fleksibiliti. Pengajaran Modular sangat menepati keperluan murid yang memiliki masalah pembelajaran kerana merangkumi dari segi kognitif, sosial, emosi dan fizikal. Pengajaran Modular yang fleksibel perlu dilaksanakan kerana menepati keperluan murid bermasalah pembelajaran yang terdiri daripada pelbagai kategori dan latar belakang agar mereka dapat menyesuaikan diri serta lebih bersedia dengan sesi pembelajaran yang lebih menepati keperluan mereka. Pengajaran modular dapat membantu serta memudahkan pemahaman dan mendorong murid untuk sentiasa berfikir, menghayati, bertindak serta mengintegrasikan maklumat atau kandungan. Guru Pendidikan Khas berperanan untuk melaksanakan pengajaran modular yang berkesan bagi merangsang minda murid agar lebih tertarik dan aktif semasa proses pdpc di dalam kelas. Ini juga secara tidak langsung memberi input yang positif kepada guru agar menjadi lebih inovatif dan bijak menyepadukan kemahiran, pengetahuan dan nilai. Justeru itu, pengajaran modular ini menjana impak yang besar kerana ia dapat menggalakkan penglibatan murid dengan aktif dan guru perlu membina suasana pembelajaran dan pengajaran yang sesuai dengan tahap keupayaan dan keperluan murid.

Merujuk Kementerian Pendidikan Malaysia (2019) di dalam buku Panduan Pendekatan Modular dalam Pengajaran dan Pembelajaran menyatakan pelaksanaan pengajaran modular ini antara lain adalah bagi menggalakkan guru untuk mempelbagaikan kaedah dan strategi pengajaran mengikut keperluan, kebolehan dan perkembangan murid. Menjadi tugas guru untuk melaksanakan pengajaran modular berlandaskan konsep adaptability dan flexibility mengikut keperluan dan kemampuan murid bermasalah pembelajaran. Pelaksanaan pengajaran modular ini dilaksanakan dengan mengambil kira pelbagai aspek seperti berpusatkan murid, kesepaduan, linear dan bukan linear serta fleksibel.

Pengajaran dan pembelajaran yang berpusatkan murid adalah bertujuan untuk menggalakkan penglibatan murid secara aktif di dalam kelas. Aktiviti berpusatkan murid merupakan pendekatan untuk menggalakkan murid mengaplikasikan isi kandungan, aktiviti dan bahan berdasarkan kebolehan sendiri (Collins, 2003). Selain itu, aktiviti berpusatkan murid akan mewujudkan komunikasi dan interaksi secara dua hala di antara guru dan murid, yang mana murid akan menunjukkan sifat sosial yang positif. Dalam pengajaran modular, aktiviti yang berpusatkan murid sangat menekankan aktiviti yang berasaskan perkembangan, potensi diri dan minat murid. Menurut Carolinda dan Sherrill (2014), murid akan menjalani pembelajaran secara Self Directed iaitu konsep pembelajaran adalah secara terarah sendiri yang mana murid akan memilih sendiri tajuk dalam sesuatu bidang yang ingin dipelajari. Manakala pembelajaran secara Self Access iaitu konsep pembelajaran adalah akses sendiri di mana murid perlu mencari dan mendapatkan sendiri maklumat mengenai tajuk yang ingin dipelajari. Kaedah pembelajaran ini memberi peluang kepada murid untuk memantau tahap pencapaian dan perkembangan pembelajaran secara sendiri (Jiang et al., 2015).

Kesepaduan yang merujuk kepada pengajaran modular ini membawa maksud penggabungan sama ada dari segi kemahiran, penyerapan ilmu dan nilai yang terkandung di dalam Standard Kandungan dan Standard Pembelajaran dalam dua atau lebih mata pelajaran berdasarkan keperluan dan kesesuaian murid (KPM, 2014). Konsep kesepaduan ini dapat dibahagi melalui cara berikut:

- (a) Penggabungan kemahiran dalam dua atau lebih mata pelajaran.
- (b) Penggabungan kemahiran antara dua atau lebih mata pelajaran.
- (c) Penggabungan dan penyerapan dengan pelbagai bidang ilmu dalam mata pelajaran dan merentasi mata pelajaran.
- (d) Penggabungan dan penyerapan nilai dalam mata pelajaran.
- (e) Elemen merentas kurikulum merangkumi aspek bahasa, alam sekitar, sains dan teknologi, patriotisme, kemahiran berfikir, kemahiran belajar, keusahawanan, Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK), kreativiti dan inovasi.
- (f) Kesepaduan antara kurikulum dan kokurikulum.
- (g) Kesepaduan antara pengetahuan dengan amalan dan
- (h) Kesepaduan antara pengetahuan sedia ada murid dengan pengalaman murid.

Pendekatan linear adalah kaedah pengajaran guru dengan mengikut seperti yang terdapat dalam DSKP. Berdasarkan pendekatan linear ini, guru akan menyediakan Rancangan Pengajaran Harian (RPH) mengikut seperti susunan di dalam DSKP. Manakala pendekatan bukan linear pula adalah merujuk kepada kaedah pengajaran guru yang memilih Standard Kandungan atau Standard Pembelajaran berdasarkan keperluan seperti tema, kebolehan murid, situasi semasa dan sebagainya. Justeru itu, guru perlu memahami setiap isi kandungan kurikulum dan situasi semasa untuk membuat pilihan sama ada untuk menggunakan kaedah pengajaran menggunakan pendekatan linear atau bukan linear. Oleh itu, guru perlu mengetahui dan menilai tahap kebolehan murid bermasalah pembelajaran sebelum membuat pertimbangan dari pelbagai aspek agar dapat menentukan pendekatan yang sesuai bagi menghasilkan pengajaran dan pembelajaran yang kondusif, berkesan dan menarik.

Menurut Dewan Bahasa Edisi ke-4 (2005), fleksibel memberi maksud sesuatu perkara yang boleh diubah atau disesuaikan. Fleksibel merujuk dalam pengajaran modular ini bermaksud kebebasan guru dalam memilih bidang, tajuk, kemahiran dan nilai mengikut objektif yang hendak disampaikan mengikut tahap penguasaan murid atau situasi semasa. Namun pembelajaran dan pengajaran yang akan dilaksanakan oleh guru Pendidikan Khas perlu mengikut kesesuaian serta kemampuan murid bermasalah pembelajaran. Proses pembelajaran dan pengajaran yang fleksibel dan berkesan akan memudahkan murid untuk memahami isi kandungan dan objektif pembelajaran yang ingin disampaikan oleh guru.

Pelaksanaan pengajaran modular terhadap murid bermasalah pembelajaran menekankan kepada perancangan dan penyediaan yang teliti dan berkesan. Hal ini memerlukan kepada guru Pendidikan Khas yang menyediakan dan melengkapkan diri dengan segala aspek pengetahuan, kemahiran serta memantapkan sikap untuk mengubah suai kaedah atau strategi pendekatan pengajaran yang sesuai mengikut tahap kemampuan pelajar terutamanya bagi murid bermasalah pembelajaran. Pada masa yang sama, dengan pelaksanaan pengajaran modular membolehkan guru mengetahui kepentingan pelaksanaannya dalam sesi pengajaran dan pembelajaran terhadap bermasalah pembelajaran yang mempunyai keupayaan dan pencapaian yang berbeza. Kejayaan guru boleh diukur dengan memberikan lebih ruang dan peluang kepada pertumbuhan serta perkembangan murid secara seimbang dan menyeluruh.

## **METODOLOGI**

Kajian ini merupakan kajian tinjauan (*survey*) dengan menggunakan soal selidik sebagai instrumen untuk mendapatkan maklumat data. Kajian kuantitatif ini melibatkan analisis data statistik deskriptif dan inferensi. Statistik deskriptif ialah dalam bentuk frekuensi, peratusan, min dan sisihan piawai. Manakala, statistik inferensi pula menggunakan kolerasi pearson r.

Populasi kajian adalah semua guru Pendidikan Khas (PPKI) di Daerah Hulu Langat, Selangor iaitu seramai 54 orang. Kriteria sampel kajian telah ditetapkan iaitu perlu berjawatan tetap dan bertauliah sebagai guru yang mengajar murid berkeperluan khas bermasalah pembelajaran. Persampelan dalam kajian ini menggunakan saiz sampel seramai 54 orang guru Pendidikan Khas yang ditentukan berdasarkan jadual saiz sampel Krejcie dan Morgan (1970). Kajian ini dijalankan dengan menggunakan instrumen soal selidik yang dihantar melalui Google Form dan pautan diberikan kepada sampel melalui aplikasi Whatsapp. Soal selidik ini mengandungi dua bahagian iaitu Bahagian A dan B. Bahagian A adalah mengenai maklumat demografi responden dan bahagian B mengandungi item tentang tahap pengetahuan guru, kemahiran dan sikap dalam menjalankan pengajaran modular. Skala likert lima mata digunakan untuk jawapan soal selidik iaitu 1- Sangat Setuju, 2- Tidak Setuju, 3- Kurang Setuju, 4-Setuju dan 5-Sangat Setuju.

Item soal selidik dalam kajian ini perlu diuji kebolehgunaannya supaya instrumen yang digunakan adalah sesuai dan mampu menjawab persoalan kajian. Kesahan bagi item soal selidik yang dijalankan dalam kajian ini disahkan oleh seorang pakar dan mempunyai pengalaman lebih daripada 30 tahun dalam bidang Pendidikan Khas. Terlebih dahulu pengkaji mendapatkan kelulusan daripada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Kementerian Pelajaran Malaysia, Pengarah Jabatan Pelajaran Selangor, Guru Besar, Guru Penolong Kanan Pendidikan Khas dan guru PPKI yang terlibat bagi memastikan kelancaran dalam pelaksanaan

kajian ini. Pengkaji juga menjalankan satu kajian rintis terhadap 30 responden yang terdiri daripada guru yang mengajar murid bermasalah pembelajaran di sekolah-sekolah yang tidak terlibat dalam kajian yang mempunyai ciri-ciri yang sama dengan ciri-ciri sampel kajian..

## DAPATAN KAJIAN

Berikut adalah demografi responden kajian seperti yang dipaparkan dalam Jadual 1.

Jadual 1 Taburan Demografi Responden

	Bilangan	Peratus
<b>Jantina</b>		
Lelaki	6	11.1
Perempuan	48	88.9
<b>Umur</b>		
21 – 30 tahun	5	9.3
31 – 40 tahun	35	64.8
41 – 50 tahun	14	25.9
<b>Kelulusan akademik tertinggi</b>		
Ijazah Sarjana Muda	47	87.0
Ijazah Sarjana	7	13.0
<b>Pengalaman mengajar Program Pendidikan Khas Integrasi</b>		
1 – 5 tahun	10	18.5
6 – 10 tahun	22	40.7
11 – 15 tahun	21	38.9
16 – 20 tahun	1	1.9
<b>Pernah mengikuti kursus Berkaitan pengajaran modular</b>		
Ya	23	42.6
Tidak	31	57.4

## Pengetahuan Guru Dalam Dalam Melaksanakan Pengajaran Modular Kepada Murid Masalah Pembelajaran

Dalam kajian ini, tahap pengetahuan guru dalam melaksanakan pengajaran modular kepada murid masalah pembelajaran diukur dengan 6 item. Jadual 2 menunjukkan kesemua enam item tersebut mempunyai skor yang sederhana. Hasil kajian ini menunjukkan item B3 mencatatkan min yang tertinggi (min = 3.56, SP = 0.691). Diikuti dengan item B1 iaitu (min = 3.56, SP = 0.664) dan item B4 iaitu (min = 3.50, SP = 0.666). Manakala item B6 iaitu min yang terendah (min = 3.20, SP = 0.683). Secara keseluruhannya menunjukkan skor tahap pengetahuan guru (min = 3.44, SP = 0.633) dalam melaksanakan pengajaran modular kepada murid masalah



pembelajaran di sekolah rendah Daerah Hulu Langat, Selangor adalah berada pada tahap yang sederhana.

Jadual 2 Pengetahuan Guru Dalam Dalam Melaksanakan Pengajaran Modular Kepada Murid Masalah Pembelajaran

No	Pernyataan	Min	SP
B1	Saya tahu bagaimana menggunakan pengajaran modular untuk murid BP	3.56	.664
B2	Saya tahu tentang kaedah/ pendekatan/ teknik pengajaran modular murid BP	3.46	.719
B3	Saya tahu matlamat pengajaran modular ke atas murid BP	3.56	.691
B4	Saya tahu untuk merancang aktiviti menggunakan pengajaran modular yang sesuai kepada murid BP	3.50	.666
B5	Saya tahu bagaimana untuk merancang rancangan pengajaran harian menggunakan pengajaran modular murid BP	3.37	.734
B6	Saya berpengetahuan dalam mendokumentasikan hasil pengajaran modular	3.20	.683
<b>Keseluruhan</b>			

(Tahap: Rendah = 1.00 – 2.33, Sederhana = 2.34 – 3.66, Tinggi = 3.67 – 5.00)

### Kemahiran Guru Dalam Dalam Melaksanakan Pengajaran Modular Kepada Murid Masalah Pembelajaran

Terdapat sembilan item yang digunakan untuk mengukur tahap kemahiran guru dalam melaksanakan pengajaran modular kepada murid masalah pembelajaran. Jadual 3 menunjukkan kesemua sembilan item tersebut mempunyai skor yang sederhana. Hasil kajian ini menunjukkan item C7 mencatatkan min yang tertinggi (min = 3.54, SP = 0.636). Diikuti dengan item C8 iaitu (min = 3.52, SP = 0.693) dan item C1 iaitu (min = 3.52, SP = 0.606). Manakala item C5 iaitu pula mencatatkan min yang terendah (min = 3.35, SP = 0.619). Secara keseluruhannya menunjukkan skor tahap kemahiran guru (min = 3.45, SP = 0.544) dalam melaksanakan pengajaran modular kepada murid masalah pembelajaran di sekolah rendah Daerah Hulu Langat, Selangor adalah berada pada tahap yang sederhana.

Jadual 3 Kemahiran Guru Dalam Dalam Melaksanakan Pengajaran Modular Kepada Murid Masalah Pembelajaran

No	Pernyataan	Min	SP
C1	Saya berkeupayaan menguruskan murid BP semasa pengajaran modular	3.52	.606
C2	Saya berkeupayaan merancang dan menyediakan kaedah yang sesuai dengan keperluan murid BP	3.43	.602

C3	Saya berkebolehan menilai murid BP mengikut tahap keupayaan mereka berdasarkan pengajaran modular yang sesuai	3.46	.665
C4	Saya berkebolehan menilai tahap keupayaan murid BP untuk menggunakan pengajaran modular yang sesuai	3.44	.664
C5	Saya berkebolehan mendokumentasikan perkara asas tentang pengajaran modular	3.35	.619
C6	Saya berkebolehan mempelbagaikan kaedah dan teknik yang boleh digunakan semasa pengajaran modular	3.39	.656
C7	Saya berkeupayaan mengawal persekitaran kelas semasa melaksanakan pengajaran modular	3.54	.636
C8	Saya berkeupayaan menyediakan Alat Bantu Mengajar (ABM) yang sesuai dalam pengajaran modular	3.52	.693
C9	Saya berkeupayaan mengajar murid BP menggunakan pengajaran modular dalam tempoh pengajaran yang ditetapkan	3.41	.630
<b>Keseluruhan</b>		<b>3.45</b>	<b>.544</b>

(Tahap: Rendah = 1.00 – 2.33, Sederhana = 2.34 – 3.66, Tinggi = 3.67 – 5.00)

### Sikap Guru Dalam Dalam Melaksanakan Pengajaran Modular Kepada Murid Masalah Pembelajaran

Dalam kajian ini, tahap sikap guru dalam melaksanakan pengajaran modular kepada murid masalah pembelajaran diukur oleh lapan (8) item. Jadual 4 menunjukkan kesemua lapan item tersebut mempunyai skor yang tinggi. Item D8 mencatatkan min yang tertinggi (min = 4.20, SP = 0.528), diikuti dengan item D7 iaitu (min = 4.13, SP = 0.478) dan item D2 (min = 3.98, SP = 0.412). Manakala item D3 pula mencatatkan min yang terendah (min = 3.72, SP = 0.627). Secara keseluruhannya menunjukkan skor tahap sikap guru (min = 3.92, SP = 0.377) dalam melaksanakan pengajaran modular kepada murid masalah pembelajaran di sekolah rendah Daerah Hulu Langat, Selangor adalah berada pada tahap yang tinggi.

Jadual 4 Sikap Guru Dalam Dalam Melaksanakan Pengajaran Modular Kepada Murid Masalah Pembelajaran

No	Pernyataan	Min	SP
D1	Saya sentiasa bersedia dalam melaksanakan pengajaran modular kepada murid BP	3.76	.581
D2	Saya bersedia menghadiri kursus yang berkaitan pengajaran modular	3.98	.412

D3	Saya sangat dedikasi menjalankan pengajaran modular walaupun tiada galakan dari mana-mana pihak	3.72	.627
D4	Saya sentiasa mengambil inisiatif sendiri bagi meningkatkan pengetahuan & kemahiran tentang pengajaran modular	3.91	.486
D5	Saya yakin pengajaran modular dapat meningkatkan keupayaan & kefahaman murid BP saya	3.80	.528
D6	Saya yakin pelaksanaan pengajaran modular mampu meningkatkan kualiti saya sebagai guru PPKI	3.87	.478
D7	Saya perlu sabar dan bertoleransi dengan murid BP dalam melaksanakan pengajaran modular	4.13	.478
D8	Saya perlu bekerjasama dan berkongsi idea dengan guru-guru yang lain untuk kejayaan dan keberkesanan pengajaran modular murid BP	4.20	.528
<b>Keseluruhan</b>		<b>3.92</b>	<b>.377</b>

(Tahap: Rendah = 1.00 – 2.33, Sederhana = 2.34 – 3.66, Tinggi = 3.67 – 5.00)

### Hubungan Antara Pengetahuan, Kemahiran Dan Sikap Guru Pendidikan Khas Dalam Melaksanakan Pengajaran Modular

Ho1 Terdapat hubungan yang signifikan antara tahap pengetahuan guru dengan kemahiran guru dalam melaksanakan pengajaran modular.

Hipotesis kajian ini adalah untuk menjawab objektif dan persoalan kajian kedua iaitu mengenalpasti hubungan antara tahap pengetahuan guru dengan kemahiran guru dalam melaksanakan pengajaran modular terhadap murid bermasalah pembelajaran. Hasil analisis korelasi dipaparkan dalam Jadual 5.

Jadual 5 Hubungan Antara Pengetahuan Guru Dengan Kemahiran Guru Dalam Melaksanakan Pengajaran Modular

	Pengetahuan guru	
	r	Sig. P
Kemahiran guru dalam melaksanakan pengajaran modular	0.818**	.000

\*\*  $p < 0.01$

Jadual 5 di atas menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara pengetahuan guru dengan kemahiran guru dalam melaksanakan pengajaran modular terhadap murid masalah pembelajaran ( $r = 0.818$ ,  $p < 0.01$ ). Ini menunjukkan kemahiran guru akan turut meningkat sekiranya pengetahuan guru meningkat. Dengan itu, Ho1 adalah gagal ditolak.

Ho2 Terdapat hubungan yang signifikan antara tahap pengetahuan guru dengan sikap guru dalam melaksanakan pengajaran modular.

Hipotesis ini adalah untuk menjawab objektif dan persoalan kajian ketiga iaitu mengenalpasti hubungan antara tahap pengetahuan dengan sikap guru dalam melaksanakan pengajaran modular terhadap murid bermasalah pembelajaran. Hasil analisis korelasi dipaparkan dalam Jadual 6.

Jadual 6 Hubungan Antara Pengetahuan Guru Dengan Sikap Guru Dalam Melaksanakan Pengajaran Modular

	Pengetahuan guru	
	r	Sig. P
Sikap guru dalam melaksanakan pengajaran modular	0.374**	.005

\*\*  $p < 0.01$

Jadual 6 di atas menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara pengetahuan guru dengan sikap guru dalam melaksanakan pengajaran modular terhadap murid masalah pembelajaran ( $r = 0.374$ ,  $p < 0.01$ ). Ini menunjukkan sikap guru akan meningkat sekiranya pengetahuan guru meningkat. Dengan itu, Ho2 adalah gagal ditolak.

Ho3 Terdapat hubungan yang signifikan antara kemahiran dengan sikap guru dalam melaksanakan pengajaran modular.

Hipotesis kajian ini adalah untuk menjawab objektif dan persoalan kajian keempat iaitu mengenalpasti hubungan antara kemahiran guru dengan sikap guru dalam melaksanakan pengajaran modular terhadap murid bermasalah pembelajaran. Hasil analisis korelasi dipaparkan dalam Jadual 7.

Jadual 7 Hubungan Antara Kemahiran Guru Dengan Sikap Guru Dalam Melaksanakan Pengajaran Modular

	Kemahiran guru	
	r	Sig. P
Sikap guru dalam melaksanakan pengajaran modular	0.410**	.002

\*\*  $p < 0.01$

Jadual 7 di atas menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan kemahiran guru dengan sikap guru dalam melaksanakan pengajaran modular terhadap murid masalah pembelajaran ( $r = 0.410$ ,  $p < 0.01$ ). Ini menunjukkan sikap guru akan meningkat sekiranya kemahiran guru meningkat. Oleh itu guru perlu meningkatkan kemahiran dalam melaksanakan pengajaran modular terhadap murid bermasalah pembelajaran. Dengan itu, Ho3 adalah gagal ditolak.

## **PERBINCANGAN**

Kajian ini dilaksanakan untuk melihat tahap pengetahuan, kemahiran dan sikap guru terhadap pengajaran modular untuk murid bermasalah pembelajaran. Hasil dapatan kajian menunjukkan skor tahap sikap guru dalam melaksanakan pengajaran modular kepada murid masalah pembelajaran di sekolah rendah Daerah Hulu Langat, Selangor adalah berada pada tahap yang tinggi. Manakala skor tahap pengetahuan dan kemahiran guru dalam melaksanakan pengajaran modular kepada murid masalah pembelajaran di sekolah rendah Daerah Hulu Langat, Selangor adalah berada pada tahap yang sederhana. Ini menunjukkan guru mengetahui bahawa melalui pengajaran modular ia dapat memberi kesan yang baik terhadap akademik murid bermasalah pembelajaran.

Menurut Low Suet Fin et al., (2014), guru perlu memiliki tahap pengetahuan dan kemahiran yang tinggi kerana ia mampu untuk mewujudkan suasana bilik darjah yang menyeronokkan dan pembelajaran yang berkesan. Maka, kajian ini menjelaskan keperluan seorang guru Pendidikan Khas untuk memiliki tahap pengetahuan serta tahap kemahiran yang lengkap dalam bidang Pendidikan Khas agar dapat merancang dan melaksanakan tanggungjawab dalam program Pendidikan Khas. Kajian ini juga disokong oleh kajian Madinah Mohd Yusuf dan Mohd Hanafi Mohd Yasin (2016) yang menyatakan bahawa kejayaan dan keberkesanan pengajaran serta pembelajaran guru Pendidikan Khas bergantung kepada ilmu pengetahuan serta teknik kemahiran sedia ada yang dimiliki seorang guru.

Kajian ini juga turut mendapati sikap guru Pendidikan Khas dalam melaksanakan Pembelajaran Modular adalah berada pada tahap yang tinggi. Sikap guru memainkan peranan yang sangat penting untuk mengurus dan memahami tahap keupayaan murid bermasalah pembelajaran. Menurut Iyeoma D. dan Toyosi N. (2017), sikap guru memberi kesan yang mendalam kepada tingkah laku murid bermasalah pembelajaran terutama dalam sesi pembelajaran dan pengajaran di dalam kelas. Sikap guru ini juga dipengaruhi oleh kepakaran guru berdasarkan pengalaman yang diperolehi sepanjang penglibatan di dalam bidang pendidikan. Menurut Dukmak (2013), sikap guru yang profesional dapat diukur melalui pengalaman dalam menguruskan murid bermasalah pembelajaran di dalam kelas. Sikap guru yang lebih tenang dan bijak dalam menguruskan tingkah laku serta emosi murid bermasalah pembelajaran akan mewujudkan suasana kondusif untuk belajar serta melancarkan proses pembelajaran. Justeru, kajian ini membuktikan bahawa sikap guru Pendidikan Khas sangat berpengaruh dalam pelaksanaan pembelajaran modular.

## **IMPLIKASI DAN KESIMPULAN.**

Seorang guru Pendidikan Khas yang berkualiti perlu mempunyai ilmu pengetahuan, kemahiran dan sikap yang profesional agar dapat menyampaikan pengajaran secara holistik kepada murid bermasalah pembelajaran secara menyeluruh. Pendidikan yang sempurna mengikut tahap keupayaan murid membuktikan kejayaan seorang guru itu dalam membantu murid termasuk murid berkeperluan khas masalah pembelajaran untuk berjaya dalam bidang akademik, di samping mampu menghadapi kehidupan seharian dengan baik. Oleh itu, guru Pendidikan Khas perlu melengkapkan diri mereka dengan segala aspek ilmu pengetahuan, kemahiran dan

memiliki sikap yang positif dalam melahirkan murid bermasalah pembelajaran yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek seiring dengan murid aliran perdana.

Pembinaan Modul Pelaksanaan Pembelajaran Modular khusus untuk murid bermasalah pembelajaran sangat diperlukan kerana memudahkan para guru Pendidikan Khas untuk membuat rujukan serta panduan dalam sesi pembelajaran dan pengajaran. Melalui panduan khusus ini, guru Pendidikan Khas akan lebih komited dan lebih mudah untuk merancang serta merencana pengajaran mengikut tahap keupayaan murid bermasalah pembelajaran, secara langsung turut memastikan sesi pengajaran dan pembelajaran menjadi lebih terancang dan teratur.

Guru-guru akan menjadi lebih berkemahiran dan cekap untuk melaksanakan pengajaran modular dengan lebih baik menerusi latihan dan kursus berkaitan selain dapat meningkatkan lagi motivasi serta semangat dalam diri guru Pendidikan Khas. Mereka mampu menghadapi segala cabaran menguruskan murid bermasalah pembelajaran dan berkeupayaan menjana ilmu pengetahuan yang baru agar guru menjadi lebih kreatif dalam melaksanakan pengajaran modular yang berkesan. Kursus dan latihan peringkat dalaman 'In House Training' yang diadakan di jabatan dan webinar turut menjadi medium utama untuk para guru berkongsi ilmu serta bertukar idea untuk melakukan penambahbaikan dalam merancang dan membina rancangan pengajaran harian guru.

## RUJUKAN

- Asmawati Mohamad Alia, Norizal Abdul Karim@SAB , Anita Mohamed & Noraihan Ismail. 2018. Aplikasi Gaya Pengajaran dan Pembelajaran Aktif Dalam Subjek Kemahiran Dinamika bagi Merealisasikan Pendidikan Abad ke-21. *Jurnal Teknologi* 10(3-2): 47–55.
- Carolinda & Sherrill. 2014. Student Perspectives On Self-Directed Learning. *Journal of the Scholarship of Teaching and Learning* 14(1): 13-25.
- Fadilla Anak Layang & Zamri Mahamod. 2019. Tahap Pengetahuan, Kesediaan dan Sikap Guru Bahasa Melayu Sekolah Rendah dalam Melaksanakan Pengajaran dan Pembelajaran Peta Pemikiran i-Think. *Jurnal Pendidikan Malaysia* 44(1): 37-44.
- Hasnah Isnon & Jamaludin Badusah. 2017. Kompetensi Guru Bahasa Melayu Dalam Menerapkan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu* 7(1): 56-65.
- Hebbler K. & Donna S. 2016. 'Supporting Young Children With Disabilities' The Future of Children. *Journal Hosting Program* 26(2): 185-205.
- Ikhsan dan Norila. 2014. *Aspek-aspek dalam Kurikulum dan Pengajaran Sekolah Rendah*. Tanjung Malim: Quantum Books.
- Ismail, Suriana. 2012. Kesediaan guru terhadap pelaksanaan mata pelajaran Reka Bentuk dan Teknologi (RBT) sekolah rendah di Malaysia. Tesis Sarjana. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Iyeoma D., & Toyosi N. 2017. Teachers' Attitude Towards Special Need Students In Secondary Schools In North Senatorial District Of Edo State, Nigeria. *Journal of Education and Practice* 8(4).
- Jamilah Hassan. 2016. Kesediaan Guru Bahasa Melayu dalam Pengajaran KOMSAS Berpanduan Pembelajaran Berasaskan Masalah. Tesis Sarjana. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Khairuddin Ahmad. 2011. Keberkesanan Kaedah Peta Konsep Terhadap Pencapaian, Sikap, Dan Kemahiran Memahami Kronologi Dalam Kalangan Murid Tingkatan Empat. Tesis Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Krejcie, R.V. & Morgan, D.W. 1970. Determining Sample Size For Research Activities. *Educational And Psychological Measurement*. 30(3): 607-610.
- Kurikulum Standard Sekolah Rendah Pendidikan Khas. 2013. Bahagian Pembangunan Kurikulum: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Low, Suet Fin, Amiruddin Zainuddin & Rafidah Ruhani. 2014. Standard Guru Malaysia: Tahap Pengetahuan Guru Pelatih PISMP IPG Kampus Ilmu Khas. *Jurnal Penyelidikan Tempawan* 31: 62-78.
- Muhamad Hafizan & Anuar Ahmad. 2017. Pengaruh Pengetahuan Isi Kandungan Terhadap Aplikasi Pengajaran Yang Berkesan Dalam Kalangan Guru-Guru Sejarah. *International Conference On Global Education*. Universiti Ekasakti, Padang, 10- 11 April, 2017.
- Noor Aini, Zamri dan Zahara. 2012. Pengajaran kemahiran komunikasi bagi murid-murid bermasalah pembelajaran teruk. *Jurnal Pendidikan Bahasa melayu* 2(2): 11-18.
- Norshidah Mohd Salleh, Aliza Alias & Zalizan Mohd Jelas. 2012. Pendidikan kanak-kanak Berkeperluan Khas : *Konsep dan Amalan*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nurul Farahah & Suziyana. 2018. Kesediaan Guru Pendidikan Khas Dalam Melaksanakan Mata Pelajaran Asas Tanaman. *Jurnal Ortopedagogia* 4(1).
- Panduan Pendekatan Modular Dalam Pengajaran dan Pembelajaran. 2018. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025). t.th. Putrajaya Malaysia: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Peraturan-peraturan Pendidikan Khas. 1997. Putrajaya Malaysia: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Rohani Aziz. 2011. *Pengetahuan, Sikap Dan Kemahiran ICT Di Kalangan Guru-Guru Matematik Di Sekolah Menengah Pahang*. Fakulti Pendidikan: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sharifah Nor Puteh & Aliza Ali. 2011. Pendekatan bermain dalam pengajaran bahasa dan literasi bagi pendidikan prasekolah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu* 1(2): 1–15.
- Siti Muhibah Hj Nor & Zetty Nurzuliana Rashed. 2018. Peranan Dan Cabaran Guru-Guru Pendidikan Khas Membentuk Kemenjadian Murid -Murid Masalah Pendengaran Dalam Abad Ke 21. *Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs* 1(1) : 2590-3799.
- Suhaimie Moridan. 2013. *Kesediaan Guru Melaksanakan Rancangan Pendidikan Individu Dalam Pendidikan Islam bagi Pelajar Pendidikan Khas*. Fakulti Pendidikan: Universiti Teknologi Malaysia.
- Suraya Bahrum & Md Nasir Ibrahim. 2018. Kebolehgunaan Modul “STEAM” dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Seni Visual Sekolah Rendah. *Jurnal Seni dan Pendidikan Seni* 6: 65-79.
- .
- .